# GEQAU

## Buletin Hospital Melaka

BILANGAN 8
JAN - JUN 2017






***Majlis Selaut Kasih Sanjungan Budi Sempena Meraikan Persaraan Yang Berbahagia Datuk Dr. Hj. Za'aba bin Baba, Pengarah Hospital Melaka.***

Yang Berbahagia Datuk Dr. Za'aba bin Baba telah bersara sebagai Pengarah Hospital Melaka pada 7 April 2017. Pada tarikh yang sama juga satu Majlis Selaut Kasih Sanjungan Budi diadakan di Ramada Plaza Hotel Melaka. Majlis tersebut telah dihadiri seramai 350 orang dari pelbagai lapisan kategori kakitangan Hospital Melaka dan juga Jabatan Kesihatan Negeri Melaka. Kehadiran yang ramai menunjukkan beliau disayangi kakitangan.

Sebagai rekod, beliau bertukar ke Hospital Melaka sebagai Pengarah pada 24 Julai 2013. Beliau telah mencurahkan khidmat baktinya selama 3 tahun, 8 bulan dan 14 hari sebelum bersara wajib pada 7 April 2017.

Dalam tempoh perkhidmatan yang singkat, beliau telah meletakkan tanda aras kualiti perkhidmatan yang tinggi. Membudayakan kerja berpasukan yang mantap melalui keberkesanan penyampaian maklumat antara Ketua-ketua Jabatan dan juga kakitangan bawahan. Beliau memperkenalkan beberapa inisiatif bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan. Antaranya yang paling ketara ialah sistem penyampaian maklumat melalui group wassap bagi mempercepatkan tindakan dan bed watcher (eBedmonitor) bagi pengurusan katil lebih teratur.

Beliau telah dikurniakan Darjah Pangkuan Seri Melaka (D.P.S.M) dari Tuan Yang Terutama Negeri Melaka yang membawa gelaran Datuk pada 15 November 2014.

Selamat bersara Yang Berbahagia
Datuk Dr Za'aba bin Baba.















# SIDANG REDAKSI


## PENAUNG
- PENGARAH HOSPITAL

## PENASIHAT
- TIMB. PENGARAH PERUBATAN ( KANAN )

## KETUA EDITOR
- DATUK MR ( DR ) HJ ABD RAZAK BIN AHMAD

## PENOLONG KETUA EDITOR
- PN. SURIYA BINTI HASAN

## EDITOR
- DR. SHARIFAH OMAR
- PN. HEE KIM LAN
- PN. UMI SOLEHAH SA'AD
- PN. MISNAH BTE HAIRAN
- EN MOHD SANI BIN MOKHTAR
- PN. HASIMAH MAMAT
- EN. KHAIRIZAN B. HASHIM
- PN. VILASINI A/P NARAYANAN
- EN. ROSLI B. ADAM
- PN. NOR IZAZAYA MAT DESA
- EN. MD. FAUZI MD. ISMAIL
- PN. NUR FADHILAH MOHAMAD
- EN. MOHD. ZAIDI B. MOHD. ZAINI

## URUSETIA
- PN. NORLIZA BTE MD ARIF
- PN. IZYAN NADIAH BTE ABD KAHAR
- EN. AMIN MAHZAN AHMAD



Artikel yang tersiar dalam buletin ini tidak semestinya menggambarkan pandangan Hospital Melaka sepenuhnya. Kami mengalu - alukan kritikan membina dan hasil kreatif anda. Alamatkan kepada :

**Pejabat Urusetia**
**Unit Pendidikan Pesakit**
**Hospital Melaka,**
**Jalan Mufti Hj. Khalil,**
**75400 Melaka.**

**Tel : 06 - 289 2344**
**Fax : 06 - 284 1590**

**http://hmelaka.moh.gov.my**




# DARI MINDA
## KETUA EDITOR

**Assalamualaikum dan salam 1 Malaysia**

**Bertemu kita kembali dalam edisi ke-8 Buletin Geqau Hospital Melaka.**

**Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Tahun Baru 2017. Dalam tahun ini banyak peristiwa yang berlaku di Hospital Melaka. Selain daripada sambutan Tahun Baru, pihak hospital juga menyambut perayaan – perayaan terutama Hari Raya, Hari Jururawat, Hari Pembantu Perubatan, Hari Dermatologi dan Hari Buah Pinggang Sedunia. Banyak kursus dalaman telah dijalankan seperti Bengkel Hala Tuju Hospital Melaka, *Team Building*, EKSA, Hari Bersama Pelanggan dan Gotong Royong untuk membersihkan kawasan.**

**Pada bulan April , Pengarah Hospital iaitu Datuk Dr Hj Za'aba Bin Baba telah bersara wajib. Tempat beliau telah dipangku oleh Dr Zulkarnain bin Mohd Rawi yang juga sebagai Timbalan Pengarah Perubatan kanan 1. Disini, kami ingin mengucapkan selamat bersara kepada mantan pengarah Datuk Dr Hj Za'aba Bin Baba.**

**Diruangan kali ini, kami memaparkan masalah buah pinggang dewasa dan gigi di kalangan kanak-kanak. Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Jabatan Pediatrik, Farmasi dan Dietatik yang telah menyediakan artikel berkenaan.**

**Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada semua yang telah memberi sumbangan kepada penyediaan buletin Geqau.**

**Akhir kata, kami ingin memohon maaf jika ada yang tersinggung atau terguris atas artikel yang dipaparkan sebelum ini. Mari kita bersama-sama membina azam baru untuk tahun akan datang agar kita dipelihara Allah hendaknya.**

**SELAMAT HARI RAYA AIDIL FITRI DAN MAAF ZAHIR BATIN DARI PIHAK KAMI**

**Sekian terima kasih**



DATUK MR ( DR ) HJ ABD RAZAK BIN AHMAD
Ketua Editor

*Assalammualaikum w.b.t.*

**Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia...**

**Alhamdulillah Syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia dan rahmat-Nya saya dapat memberi sepatah dua kata di dalam Buletin GEQAU Hospital Melaka. Di kesempatan ini saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Raya Aidilfitri dan Selamat Menyambut Hari Kemerdekaan yang ke-60 Tahun yang bakal menjelang pada 31 Ogos 2017.**

**Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan penghargaan dan syabas kepada Sidang Redaksi di atas usaha dan komitmen yang begitu jitu sehingga terhasilnya Buletin GEQAU yang diterbitkan sebagai wadah perkongsian maklumat mengenai program dan aktiviti yang telah berlangsung dengan jayanya serta pencapaian-pencapaian yang membanggakan sepanjang bulan Januari hingga Julai 2017 untuk tatapan warga kerja Hospital Melaka.**

**Pelbagai usaha telah digerakkan dalam memastikan kualiti penyampaian perkhidmatan perawatan kesihatan yang diberikan berada pada tahap piawaian yang ditetapkan. Justeru itu, saya berharap agar setiap warga kerja Hospital Melaka akan terus komited dalam menjalankan tugas terutama dalam memastikan perkhidmatan perawatan kesihatan dapat diberikan dengan lebih berkesan.**

**Oleh itu, marilah kita bertekad untuk terus berusaha memartabatkan Perkhidmatan Awam dan meningkatkan iltizam untuk memberi perkhidmatan yang terbaik dan mesra kepada pelanggan selaras dengan matlamat murni kita untuk mendahulukan rakyat dan mengutamakan pencapaian, terutamanya di dalam petunjuk-petunjuk prestasi utama di Kementerian ini.**

**Akhir kata, semoga penerbitan Buletin Geqau ini mendapat sokongan semua pihak serta dapat diteruskan di masa-masa akan datang sebagai wadah utama perkongsian maklumat dan percambahan idea dengan lebih tersusun dan sistematik.**

**DR. HJ. ZULKARNAIN BIN HJ. MOHD RAWI**
**Pemangku**
**Pengarah Hospital Melaka**



# HYPODONTIA / HIPODONTIA

Hipodontia adalah keadaan kekurangan bilangan gigi dari jumlah yang normal secara semulajadi disebabkan oleh gangguan dalam pembentukan gigi. Gigi tidak terbentuk sejak lahir dan ia hilang dari mulut. Ketiadaan gigi lebih banyak terjadi pada gigi kekal berbanding gigi susu. Kajian pada tahun 1989 menunjukkan 2.8 % rakyat Malaysia yang berusia 5-15% mengalami hipodontia dan ia lebih kerap berlaku di kalangan kanak-kanak perempuan. Gigi yang sering tidak tumbuh biasanya adalah gigi geraham bongsu, geraham kecil kedua dan gigi kacip kekal kedua.

Ketiadaan gigi boleh terjadi secara sendiri ataupun dikesan dalam beberapa sindrom penyakit. Terdapat lebih dari 50 sindrom penyakit dimana penghidapnya mempunyai hipodontia seperti Sindrom Down , Celah bibir dan gum ( cleft lip and gum) Ectodermal Dysplasia, Williams Syndrome and Craniosynostosis syndromes





Selain dari faktor keturunan dan sindrom-sindrom penyakit, hipodontia / kehilangan gigi juga boleh disebabkan oleh jangkitan pada gigi dan gusi, kecederaan pada gigi, ubat-ubatan, masalah hormon dan metabolik.



## Diagnosa

Diagnosa Hipodontia/ ketiadaan gigi akan dibuat apabila gigi tersebut tidak terdapat dimulut setelah tempoh erupsi tamat. Diagnosa hipodontia bagi gigi susu boleh dibuat ketika bayi berusia 3-4 tahun manakala hypodontia bagi gigi kekal boleh dibuat semasa kanak-kanak berusia 12-14 tahun. Ujian X-ray akan dilakukan untuk mengesahkan diagnosis.

## Apa yang boleh berlaku jika kehilangan gigi:

Kehilangan gigi bukan saja boleh menyebabkan masalah kesihatan tetapi boleh juga mengakibatkan hilang keyakinan diri disebabkan keabnormalan rupa paras dan senyuman.Berikut adalah beberapa akibat lain apabila kehilangan gigi.

- Gangguan fungsi pengunyahan atau mastikasi
- Masalah pertuturan
- Risiko kerosakan gigi dan penyakit gusi.
- Rupa paras yang tidak simetri.
- Pergerakan gigi

### Masalah-masalah yang dihadapi

- Maloklusi




- Perkembangan gigi berlainan




## Rawatan kehilangan gigi

Tujuan rawatan adalah untuk menggantikan gigi yang tiada, bergantung kepada kedudukan gigi tersebut di dalam lengkungrahang. Rawatan kehilangan gigi yang banyak di kalangan kanak-kanak boleh menjadi kompleks dan memerlukan penglibatan pelbagai kepakaran yang berbeza termasuk kaunseling genetik. Rawatan akan lebih berjaya jika keadaan ini dapat ditangani di peringkat awal. Walau bagaimanapun, rawatan definitif biasanya dijalankan selepas kesemua gigi kekal sudah tumbuh di dalam mulut.

Terdapat beberapa pilihan rawatan yang ada untuk merawat kanak-kanak yang mengalami kehilangan gigi. Rawatan ini bergantung kepada bilangan gigi yang hilang dan merangkumi:

i. Penjagaan kegigian susu yang bebas karies
ii. Penggunaan orthodontik aplian untuk menangani ruangan yang ada
iii. Restorasi menggunakan aplian kekal seperti jambatan gigi atau gigi palsu
iv. Implan




Sumber : Jabatan Pergigian Kanak - Kanak

# Penyakit Kegagalan Buah Pinggang Kronik *(Chronic kidney Disease/CKD)*

**Semasa Majlis Pelancaran Sambutan Hari Buah Pinggang Sedunia 2017 , Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Hilmi Yahya menyatakan bahawa seramai 7,000 pesakit baharu dikesan mengalami masalah buah pinggang serta perlu menjalani rawatan dialisis setiap tahun. Ini menjadikan jumlah keseluruhan pesakit buah pinggang yang menjalani rawatan dialisis di Malaysia sebanyak 40,00 orang. Jumlah ini merupakan satu angka yang besar dan jika tidak ditangani dikhuatiri jumlah pesakit yang mendapatkan rawatan di hospital kerajaan akan bertambah dan memerlukan kos rawatan tinggi. Penyakit kegagalan buah pinggang *(Chronic kidney disease)* boleh dicegah dengan mengamalkan gaya hidup sihat, pengesanan awal penyakit dan rawatan yang sewajarnya.**







**Buah pinggang adalah 2 organ dalaman berbentuk kacang sebesar genggaman memainkan peranan yang sangat penting dalam meneruskan kelangsungan hidup manusia dengan membuang toksin dan a ir berlebihan daripada darah, membantu mengawal tekanan darah, menghasilkan sel-sel darah merah dan mengekalkan kesihatan tulang. Seseorang itu dikatakan mengidap Penyakit Buah Pinggang Kronik (CKD) apabila buah pinggangnya kehilangan keupayaan untuk berfungsi secara beransur-ansur. Ia merupakan satu penyakit s enyap dan sering kali diabaikan begitu sahaja kerana kehadirannya yang mungkin tidak dirasai pada peringkat awal. Sekiranya tidak dikesan dan dirawat dari peringkat awal ia boleh menyebabkan penyakit buah pinggang kekal dan kematian pra-matang.**

## Faktor Risiko kepada Penyakit Buah Pinggang Kronik

**Individu yang berisiko tinggi untuk penyakit CKD adalah individu yang mempunyai:-**

- **Penyakit kencing Manis atau Diabetes Mellitus, merupakan penyebab utama penyakit kegagalan buah pinggang di Malaysia**
- **Penyakit darah tinggi *(Hypertension)***
- **Penyakit Buah pinggang sendiri seperti penyakit batu karang, penyakit Glomerulonephritis(Radang Buah Pinggang)**
- **Penyakit Sindrom Metabolik**
- **Pengambilan ubat tahan sakit yang berpanjangan.**
- **Mempunyai sejarah keluarga dengan kegagalan buah pinggang**
- **Peningkatan usia**




## Tanda-tanda penyakit CKD

**Tanda-tanda penyakit buah pinggang kronik bergantung kepada tahap dan peringkat penyakit itu. Terdapat lima peringkat penyakit buah pinggang. Doktor akan menentukan peringkat penyakit buah pinggang berdasarkan kerosakan buah pinggang dan GFR *(Glomerular Filtration Rate)*, yang merupakan penilaian tahap fungsi buah pinggang.**

**Pada peringkat awal penyakit buah pinggang, pesakit biasanya tidak mempunyai apa-apa gejala. Pada peringkat akhir, gejala berikut mungkin berlaku :**

- **Sentiasa rasa letih**
- **Bengkak kaki, terutamanya pada waktu malam / berdiri yang berpanjangan**
- **Rasa loya / muntah berterusan**
- **Tekanan darah tidak terkawal**
- **Jumlah air kencing berkurangan**

## Bagaimana Mengesahkan Penyakit Buah Pinggang Kronik?


**Beberapa ujian dilakukan untuk mengesahkan seseorang itu mengidap Penyakit Buah Pinggang Kronik:**

1. **Ujian darah untuk menilai fungsi buah pinggang (creatinine) dan GFR(Glomerular filtration rate)**
   **Jika GFR terlalu rendah, ia bermakna buah pinggang tidak mampu membuang sisa dan cecair berlebihan daripada darah.**
2. **Ujian air kencing untuk protein dan sel darah merah**
   **Proteinuria (kehadiran protin dalan urin) berterusan atau / dan kehadiran sel-sel darah merah di dalam air kencing adalah tanda kerosakan buah pinggang.**
3. **Pemeriksaan ultrasonography.Disamping melihat keadaan buah pinggang dan saiz buah pinggang yang mengecut, ujian ultrasonogram dilakukan untuk melihat jika ada masalah lain pada buah pinggang seperti batu karang.**

## Bagaimana Untuk Merawat dan Mencegah Kerosakan Buah Pinggang Kronik?


**Rawatan yang diberi adalah berdasarkan peringkat penyakit buah pinggang. Penyakit buah pinggang kronik dapat dirawat dan dicegah dengan:**

- **Pemeriksaan kesihatan berkala**
- **Kawalan Kencing Manis dan Darah Tinggi yang baik**
- **Kawalan berat badan- elakkan dari berlebihan berat badan**
- **Patuh kepada rawatan yang diarahkan oleh doktor**
- **Elakkan pengambilan ubat tahan sakit**
- **Elakkan pengambilan supplemen tanpa arahan doktor**
- **Amalkan cara hidup sihat**



Sumber : Jabatan Perubatan

# AWAS!



# Ubat yang MEROSAKKAN buah pinggang

*Acute kidney injury (AKI)* atau Kecederaan Ginjal Akut merupakan satu keadaan di mana kemampuan fungsi buah pinggang menurun secara tiba-tiba. Ia boleh terjadi disebabkan oleh pelbagai faktor dan salah satu daripadanya adalah disebabkan oleh ubat-ubatan tertentu. Kebiasaannya, ubatan ini adalah ubatan yang dibeli atau diambil sendiri oleh pesakit tanpa pengetahuan doktor seperti ubat tahan sakit dalam kuantiti yang banyak dan dalam jangkamasa yang lama, ubatan tradisional yang tidak berdaftar, herba dan rawatan alternatif yang berkemungkinan mengandungi bahan terlarang.



Ubat tahan sakit dikenali sebagai analgesik atau *Non-steroidal anti-inflammatory drugs* (NSAIDs), boleh didapati dalam pelbagai formulasi seperti tablet, sirup, suntikan, salap dan tampalan plaster. NSAIDs biasanya digunakan dalam rawatan keradangan akibat terseliuh atau sakit sendi (*arthritis*), kesakitan semasa haid dan merawat demam. Pengambilan ubat NSAID dalam kuantiti yang banyak untuk jangkamasa yang panjang, akan meningkatkan risiko kerosakan buah pinggang. Justeru itu, NSAIDs haruslah diambil pada masa dan dos yang betul serta perlu mengikut nasihat doktor atau ahli farmasi.

Ubat tradisional dan produk makanan yang dikatakan "100% Semulajadi dan Selamat" juga berpotensi menyebabkan kerosakan buah pinggang dan kebanyakkan daripada produk tersebut masih belum berdaftar dengan Agensi Regulatori Farmasi Negara (NPRA). Keselamatan produk-produk tersebut adalah tidak terjamin dan mungkin lebih membahayakan apabila diambil bersama-sama dengan ubat kronik yang diberi oleh doktor. Kesimpulannya, orang awam perlu berhati-hati apabila membeli produk kesihatan di pasaran dan perlu mengetahui tahap keselamatan produk tersebut sebelum mengambilnya bagi mengelakkan kerosakkan buah pinggang.



| Kategori ubat yang boleh merosakkan buah pinggang | Contoh Ubat-ubatan |
|---|---|
| Ubat Tahan Sakit (NSAIDs) | Naproxen, Diclofenac, Ibuprofen, Meloxicam, Celecoxib, Etoricoxib |
| Antibiotik | Gentamycin, Vancomycin |
| Antiviral | Acyclovir |
| Ubat untuk pesakit HIV | Indinavir, Ritonavir |
| Ubat Tradisional* | *Guan Mu Tong, Yohimbine, Noni Jus, Ma Huang, Kromium, Willow Bark* |

**Senarai ubat tradisional ini telah disahkan oleh FDA berkemampuan untuk merosakkan buah pinggang*

References:

1. http://cjasn.asnjournals.org/content/2/4/757.full
2. http://ubatinfo.blogspot.my/2015/01/ubat-yang-merosakkan-buah-pinggang.html

# Bahaya GARAM
## sangat menakutkan!

- Tanpa garam makanan berasa tawar. Bagaimanapun, pengambilan garam yang tinggi, akan mendedahkan kepada pelbagai risiko, salah satunya adalah masalah ginjal.

- Namun, berapa banyakkah garam yang diperlukan
  - hanya kurang 2,000 miligram garam sehari atau bersamaan dengan satu sudu teh

- Garam atau sodium memainkan peranan sebagai cecair dan mengekalkan tahap asid di dalam tubuh badan yang juga mampu membantu mengawal tekanan darah dan merangsang fungsi otot dan saraf.

- Data WHO, kebarangkalian individu yang meninggal dunia berusia antara 30 tahun hingga 70 tahun melibatkan empat penyakit berkaitan penyakit tidak berjangkit (NCD) adalah kira-kira 20 peratus, manakala tekanan darah tinggi merupakan faktor paling utama menyumbang kepada kematian pramatang (usia lebih muda).

- Malah, 32.8 peratus orang dewasa berumur 18 tahun ke atas di negara ini juga dikenal pasti menghidap tekanan darah tinggi dan peratusan itu semakin meningkat setiap tahun.

**Amalan pemakanan kurang garam**

- Ketahuilah kandungan garam pada label makanan.
- Pilihlah produk makanan yang dilabel "dikurangkan garam", "rendah garam", "sangat rendah garam" atau "bebas garam".
- Elakkan produk makanan yang mempunyai garam atau sodium tersenarai di bahagian awal senarai ramuan.
- Hadkan makanan yang tinggi kandungan garam seperti ikan masin, makanan yang diproses dan makanan segera.
- Kurangkan garam, sos, kicap atau kiub perisa dalam makanan.
- Gunakanlah rempah ratus untuk mengurangkan garam dalam masakan.
- Mintalah makanan kurang masin ketika memesan makanan.

**Makanan Tinggi Garam**

- Sos berperisa seperti kicap, sos cili/tomato dan sos tiram – 1,000 hingga 5,000 miligram (mg)
- Stok/kiub makanan – 3,000 mg. Setiap kiub 700 mg
- Sos salad seperti mayonis – lebih 1,000 mg
- Makanan dalam tin – 500 hingga 1,500 mg.

**Garam Dalam Makanan Diawet**

- Telur masin – 500 mg
- Ikan masin – 1,500 mg
- Buah-buahan jeruk (masin) – 1,000 mg
- Udang kering – 4, 000 mg
- Belacan – 1, 000 mg




Sumber : Jabatan Dietetik

# AKTIVITI BERGAMBAR



Lawatan YB Datuk Latipah Omar Exco Wanita, Pembangunan Keluarga dan Hal Ehwal Kebajikan Negeri Melaka ke Wad 1-2



Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan Bil 2/2016 Di Auditorium Sri Baiduri



Lawatan Datin Halimah Baba isteri Speaker Undangan Negeri Melaka Melawat Pesakit di Wad CCU Pn Liah binti Jantan




Kempen kesedaran kanser 2017 daripada Jabatan O & G Hospital Melaka



Pertandingan Andaman di bilik Seminar Forensik



Sambutan Hari Pembantu Perubatan Peringkat Kebangsaan Di Pahang.



Program bersama PU YEOP sempena program Ahlan Ya Ramadhan




Program Hospital Rehabilitation Medicine Course Series 5



Sumbangan Cenderahati JM yang sakit kronik



Peserta gotong royong mendengar taklimat sempena program gotong royong peringkat Hospital Melaka.



Majlis Khatam Al-Quran peringkat Hospital Melaka



Pengarah menyampaikan amanatnya semasa program Halatuju Hospital di Pusat Perakaunan Negara



Sambutan Hari Pembantu Perubatan di Peringkat Negeri Melaka



Program gotong royong memasak dan mengedarkan bubur lambuk kepada kakitangan Hospital Melaka sempena Bulan Ramadan 2017

# Sambutan Hari Jururawat Sedunia

Pada 12 Mei 2017, adalah Hari Jururawat Sedunia. Tema Hari Jururawat Sedunia untuk tahun 2017 adalah Nurses Day: Nurses: A Voice To Lead - A chieving The Sustainable Development Goals. Maka dalam bulan Mei tahun ini, pelbagai aktiviti yang menarik telah dilaksanakan oleh Jawatan Kuasa Aktiviti Unit Kejururawatan Hospital Melaka, antaranya adalah seperti lawatan ke rumah memberi cendera hati kepada staf yang mengalami sakit chronic; pertandingan bowling; pertandingan Andaman; pemeriksaan kesihatan ke Kampung Oran g Asli Gapam bersama Persatuan MNA, MNU dan Mc Donalds; Pemeriksaan Kesihatan, Promosi Persatuan Jururawat Malaysia, Kesatuan Jururawat Malaysia, Organ Donation, Hand Hygiene dan Blood donation.

Pada Hari Jururawat Sedunia seramai 48 orang jururawat daripada Melaka telah menghadiri Sambuatan Hari Jururawat Peringkat National di PICC Putrajaya, dan hari yang sama penyelia jururawat di hospital juga ada membuat lawatan ke wad-wad untuk melawat dan memberi cenderahati kepada staf y ang masuk wad. Manakala sambutan Hari Juruawat Peringkat Negeri telah diadakan pada 17.5.2017 di Dewan Bomba Bukit Katil. dan Hari Jururawat peringkat Hospital Melaka diadakah pada 18.5.2017 bersama Perhimpunan Bulanan Hospital di Dewan Auditorium. Malam Mesra Sempena Hari Jururawat juga telah diadakan di Ramada Hotel Melaka pada 19.5.2017.









*********

# Sambutan Hari Pembantu Perubatan Hospital Melaka

Sambutan Hari Pembantu Perubatan di sambut pada 10 Mac setiap tahun. Pada tahun ini Negeri Pahang dipilih sebagai tuan rumah untuk menyambut Hari Pembantu Perubatan Peringkat Kebangsaan pada 11 Mac 2017 yang dirasmikan oleh Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Malaysia Datuk Mohd Syafiq Abdullah. Tema sambutan Hari Pembantu Perubatan pada tahun ini adalah "Merealisasikan Transformasi Kesihatan Nasional".

Manakala sambutan Hari Pembantu Perubatan Negeri Melaka telah dilaksanakan pada 28 Mac 2017 bertempat di Dewan Politeknik Merlimau Melaka yang di rasmikan oleh Mantan Ketua Menteri Melaka Senator Tan Sri Haji Mohd Ali Bin Mohd Rustam.

Manakala Sambutan Hari Pembantu Perubatan di Hospital Melaka telah diadakan pada 16 Mac 2017 yang dirasmikan Oleh Pengarah Hospital Melaka Datuk Dr. Hj. Zaba B. Baba bertempat di Auditorium Hospital Melaka.







*********

# Sambutan Hari Polis Ke 210 Tahun 2017

Sempena peringatan Hari Polis Ke 210 tahun 2017 satu lawatan kebajikan ke Hospital Melaka telah diadakan pada 4 Mei 2017. Lawatan ini diketuai oleh Ketua Polis Melaka, Ketua-Ketua Polis Daerah, Pegawai-Pegawai Kanan Polis dan PERKEP Kontinjen Melaka. Penyampaian hamper diberikan kepada anggota polis, ahli keluarga polis dan orang awam di Wad 3-2 dan 2-4.



## Lawatan Balas Kebudayaan Dan Kembara Pantai Timur Semenanjung 2017 Anjuran Kelab Perubatan Hospital Melaka

Pada 17 hingga 19 Mac 2017 telah berlangsung Program Lawatan Balas Kebudayaan dan Kembara Pantai Timur Semenanjung 2017 anjuran Kelab Perubatan Hospital Melaka.Program ini telah disertai seramai 40 orang peserta yang majoriti Ahli Kelab Perubatan Hospital Melaka. Dalam program ini, peserta telah menjelajah 3 destinasi iaitu Hospital Sultan Haji Ahmad Shah, Temerloh Pahang, Hospital Raja Perempuan Zainab II Kota Bharu Kelantan dan Hospital Sultanah Nur Zahirah,Kuala Terengganu. Kontinjen lawatan diketuai oleh Dr. Hj. Zulkarnain bin Hj. Mohd. Rawi – Naib Yang Dipertua 1. Acara perasmian telah diadakan pada malam 17 Mac 2017 di Hospital Sultan Haji Ahmad Shah Temerloh Pahang yang turut dihadiri oleh YBhg. Datuk Dr. Hj. Za'aba bin Baba, Yang Dipertua Kelab Perubatan Hospital Melaka.

Tujuan program ini diadakan adalah untuk mengeratkan silaturahim ahli-ahli bersama rakan-rakan Kelab Sukan dan Rekreasi di tiga buah hospital di pantai timur yang dilawati dan sekaligus memaparkan aktiviti kesenian dan kebudayaan.






*********

## Lawatan YB Datuk Latipah Ke Hospital Melaka



Lawatan YB Datuk Latipah Omar Exco Wanita Pembangunan Keluarga dan Hal Ehwal Kebajikan Negeri Melaka ke Wad 2-2 Sempena Bayi Lahir Tahun baru 2017 pada 1/1/2017 jam11.45 pagi meluangkan masa melawat pesakit di wad-wad dan penyampaian cenderahati kepada semua Ibu dan bayi. Seramai 9 bayi lelaki dan 6 bayi perempuan dilahirkan pada hari tersebut.

*********

## Program Bersama Imam Syria

Program bersama Imam Syria Imam Burhanuddin dengan kerjasama NGO Haluan Cawangan Negeri Melaka pada 16 jun 2017. Program ini bertujuan untuk berkongsi pengalaman dan situasi sebenar apa yang berlaku di Syria disamping mengadakan kutipan amal untuk membantu masyarakat islam di sana.




*********

## Gotong Royong PBDKK Bil 2/2017 Hospital Melaka

Ahli jawatankuasa Program Bebas Denggi di kemudahan Kesihatan di Hospital Melaka telah mengadakan aktiviti gotong-royong yang kedua kalinya. Aktiviti gotong royong yang dirancang 4 kali setahun ini berjalan dengan lancarnya buat kali kedua pada 19.05.2017 lalu dengan kerjasama Ahli Jawatankuasa dan semua Jabatan di hospital Melaka yang terlibat.Gotong royong kali ini lebih ditumpukan kepada Zon 5,6 & 7 (blok baru dan kuarters Hospital Melaka) kerana ini adalah kawasan yang padat dengan orang awam dan terdedah dengan risiko menjadi tempat pembiakan nyamuk aedes. Kawasan bangunan lama yang tidak diselenggara dengan baik boleh menjadi tempat yang berisiko untuk pembiakan nyamuk aedes.






## Majlis Sambutan Hari Kanser Peringkat Hospital Melaka





Pada 10 Mac yang lalu bertempat di Auditorium Seri Baiduri telah diadakan majlis Sambutan Hari Kanser Sedunia Peringkat Hospital Melaka. Majlis perasmian ini disempurnakan oleh Dr. Hj. Zulkarnain Mohd Rawi. Selain daripada itu, Kursus Kesedaran Kanser juga turut diadakan dengan dihadiri seramai 100 peserta dari pelbagai kategori staf Hospital Melaka.

Manakala pada 13 hingga 17 Mac pameran kesihatan dan tapak pameran juga telah dianjurkan dengan kerjasama dari pelbagai jabatan dan unit selama seminggu. Di antara booth pameran yang mengambil bahagian ialah Klinik Dada, Klinik Kulit, Klinik Payudara, Klinik Pembedahan Plastik, Klinik Obstetrik dan Gineklologi serta Klinik Berhenti Merokok. Sambutan yang diterima dari pesakit, orang awam dan staf amat menggalakkan. Semoga usaha sebegini akan diteruskan pada masa hadapan untuk menyebarkan maklumat mengenai kanser kepada orang ramai.

*********

## Program Skin Day Peringkat Hospital Melaka

Program ini telah diadakan pada 31/3/17 dari 8.00 pagi hingga 1.00 petang di Klinik Dermatologi Hospital Melaka, dirasmikan oleh Dr Hj Zulkarnain bin Hj Mohd Rawi di Bilik Seminar Klinik Pakar Perubatan. Aktiviti yang dijalankan adalah rawatan tanpa rujukan, perkhidmatan kaunseling, pameran poster psoariadis, eczema dan acne serta kanser kulit. Sambutan peserta amat menggalakkan, di mana terdapat seramai 284 peserta termasuk 61 org awam yang hadir dalam program ini. Seramai 113 orang awam telah mengikuti screen screening dan 73 orang diberi rawatan susulan.







*********




## Senarai Nama Pegawai Yang Bersara

| Nama | No KP | Nama Jawatan Gred | | CATATAN | TARIKH |
|---|---|---|---|---|---|
| HAMIDAH BT SALLEH | 580927-71-5284 | | | Bersara | 01/01/17 |
| SURIATINA BINTI HUSIN | 750616-11-5096 | | | Bersara | 01/01/17 |
| MOHAMAD NASIR BIN HAMZAH | 580915-04-5295 | | | Bersara | 03/01/17 |
| LEE SIN HO | 570105-04-5251 | | | Bersara | 05/01/17 |
| SALBIAH BINTI RAHMAD | 570110-04-5176 | | | Bersara | 10/01/17 |
| MAHESWARY A/P R.THANGAVELU | 570116-04-5492 | | | Bersara | 16/01/17 |
| MOHD SABRI BIN HJ SHAMSUDDIN | 570209-05-5577 | | | Bersara | 09/02/17 |
| SEMAH BINTI WAHAB | 620212-04-5268 | | | Bersara | 12/02/17 |
| OMAR BIN TOMPANG | 570214-04-5461 | | | Bersara | 14/02/17 |
| RAHIMAH BINTI SULAIMAN | 590224-04-5498 | | | Bersara | 24/02/17 |
| ROSNAH BINTI HJ KASSIM | 570311-04-5594 | | | Bersara | 11/03/17 |
| MOHD KAMAL BIN SAEMIN | 660316-04-5285 | | | Bersara | 16/03/17 |
| NORMAH BINTI BASRI | 620323-01-6080 | | | Bersara | 23/03/17 |
| RUHIMAH BINTI AHMAD | 590325-01-6012 | | | Bersara | 25/03/17 |
| WONG CHOON MUI | 570325-05-5400 | | | Bersara | 25/03/17 |
| MENAKA A/P THAMBIRAJAH | 570327-08-5208 | | | Bersara | 27/03/17 |
| ZAINAL BIN AWANG | 590327-04-5335 | | | Bersara | 27/03/17 |
| MAZNAH BINTI MOHAMAD SAID | 590405-05-5214 | | | Bersara | 05/04/17 |
| DATUK DR. HJ. ZA'ABA BIN BABA | 570407-08-5101 | | | Bersara | 07/04/17 |
| KALAKSELWI A/P SUPAIAH | 590407-08-6364 | | | Bersara | 07/04/17 |
| HALIMAH BT MOHD | 590410-04-5088 | | | Bersara | 10/04/17 |
| LEE BOON HOCK | 570410-05-5739 | | | Bersara | 10/04/17 |
| LEE CHWEE LEE | 570522-04-5500 | | | Bersara | 5/22/2017 |
| KAMARIAH BINTI K A FAKIR MOHD | 570524-04-5758 | | | Bersara | 5/24/2017 |
| AMRAN BIN ZAINAL | 570603-01-7253 | | | BERSARA | 6/3/2017 |
| CHE ROOSLAN BIN NASAR | 570607-05-5839 | PPK U11 | | BERSARA | 6/7/2017 |
| DATIN DR.NOR AZIAN BINTI ABD.SAMAD(PJAWATAN HAS, JB) | 581215-05-5032 | | | Bersara | |
| DATUK DR.ROSHIDAH BINTI BABA | 550405-04-5044 | | | BERSARA | |
| WONG KUANG KEE | 580427-04-5245 | PENOLONG PEGAWAI FARMASI GRED U36 | FARMASI | BERSARA | 27.06.2017 |

## Program Raikan Bayi Bandaraya

Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) telah mengadakan majlis meraikan bayi yang dilahirkan pada 15 April 2017 sempena sambutan ulang tahun ke 14 Bandaraya Melaka Bersejarah. Majlis penyampaian hamper telah diadakan di Wad 2-4 yang disempurnakan oleh YAB Datin Seri Fadilah binti Abdullah, isteri Ketua Menteri Melaka.

*********

## Program Penyerahan Sumbangan Beras Dan Gula

Persatuan pekerja - pekerja Islam Hospital melaka juga mengadakan Program Sekampit Beras Sekilo Gula, Program ini adalah hasil sumbangan kakitangan hospital dan simbolik penyerahan sumbangan beras dan gula kepada kakitangan hospital yang terpilih telah disempurnakan oleh Yang Berbahagia Dr. Hajah Zarina Binti Saharum (Timbalan Pengarah Perubatan 1 )





*********

## Lawatan Sambil Belajar ke Wad Geriatrik Hospital Melaka

Program Lawatan Sambil Belajar ke Wad Geriatrik Hospital Melaka telah dianjurkan pada 18 April 2017 oleh Sekolah Menengah Kebangsaan Tasek Utara 2 Johor Bahru. Seramai 40 orang pelajar tingkatan 4 dan 5 berserta 3 orang tenaga pengajar telah menyertai program ini yang diketuai oleh Puan Nor Hasmida Mohd Nor selaku ketua program. Fokus utama lawatan adalah untuk memberi pendedahan kepada pelajar yang mengambil jurusan Gerontologi Asas dan Perkhidmatan Geriatrik juga memupuk perasaan kasih sayang terhadap warga emas. Lawatan bermula pada jam 3 petang dan berakhir dengan acara bertukar cenderahati sebagai tanda penghargaaan.







*********



## Audit Hospital Performance Indicator For Accountability (HPIA) & Key Performance Indicator (KPI)

Audit *Hospital Performance Indicator For Accountability (HPIA) dan Key Performance Indicator (KPI)* Perkhidmatan Klinikal Bil. 2/2016 telah dijalankan pada 5 hingga 6 April 2017 di Auditorium Sri Baiduri, Hospital Melaka dengan dipengerusikan oleh Dr. Hjh. Zarina Binti Sahrom@Shahrom selaku wakil Pengarah Hospital Melaka. Audit tersebut telah diketuai oleh Ketua Audit dari Hospital Jasin iaitu Dr. Shahrum Bin Muzakir dan dibantu oleh pegawai dari Jabatan Kesihatan Negeri Melaka. Hasilnya ditemui 5 Partial Compliance dari 56 indikator yang diaudit.





*********





## Konvensyen QA Jabatan Kesihatan Negeri Melaka

Konvensyen QA ini telah diadakan pada 25 Mei 2017 anjuran Jawatankuasa QA Jabatan Kesihatan Negeri Melaka dan bertempat di MITC, Ayer Keroh, Melaka. Hospital Melaka diwakili oleh Jabatan Farmasi Dan Bekalan, Jabatan Psikiatri Dan Kesihatan Mental, Jabatan Kecemasan Dan Trauma, Jabatan Bedah Mulut, Jabatan Anestesiologi Dan Rawatan Rapi dan Jabatan Patologi.

*********

## Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan Bil 2/2016

Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan Bil. 2/2016 telah berlangsung pada 28 Februari 2017 di Auditorium Sri Baiduri, Hospital Melaka dengan dipengerusikan oleh Dr. Hj. Zulkarnain Bin Hj. Mohd Rawi selaku mewakili Pengarah Hospital Melaka. Dihadiri oleh ketua-ketua jabatan dan unit. Antara agenda termasuklah pembentangan Penemuan Audit Dalaman, Laporan Aduan Pelanggan, Laporan Insiden, Laporan Keberkesanan Latihan,Laporan Kajian Kepuasan Pelanggan, Laporan Kawalan Infeksi, Laporan Status BEMS & FEMS, Laporan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan dan Laporan KPI/HPIA & Objektif Kualiti.



*********





## Audit Pemantauan Sirim MS ISO 9001:2008 Bil. 2/2016

Audit Pemantauan Sirim MS ISO 9001:2008 Bil. 2/2016 telah berlangsung pada 23 hingga 24 Mac 2017 di Auditorium Sri Baiduri, Hospital Melaka dengan dipengerusikan oleh En. Rajakumaran A/L Karnagaran selaku Ketua Audit Sirim bersama 3 orang auditor, mengaudit seluruh jabatan, unit dan wad di Hospital Melaka. Hasilnya terdapat ketidakakuran ditemui iaitu 5 Minor NCR dan 2 Peluang Penambahbaikan (OFI).

# Kursus Pembinaan Sahsiah Diri Hospital Melaka 2017

**Kursus Pembinaan Sahsiah Diri Hospital Melaka 2017 telah diadakan pada 22 Mac hingga 25 Mac 2017 bertempat di Kem Bina Negara Tanjung Rhu, Sepang Selangor. Peserta terdiri seramai 50 orang.**

**Objektif:**

1. **Memupuk hubungan yang lebih kukuh dan kesepaduan dalam kalangan peserta.**
2. **Meningkatkan penglibatan, komitmen, dan motivasi peserta dalam mewujudkan suasana harmoni di dalam organisasi.**
3. **Memberi peluang untuk meningkatkan kemahiran kepada pasukan dan seterusnya membantu pasukan ke arah kecemerlangan.**
4. **Memastikan praktikal yang optima dalam pengurusan dan pemantapan diri dicapai dan diamalkan dalam budaya kerja berpasukan.**

**Antara aktiviti yang dijalankan sepanjang kursus selama 4 hari 3 malam adalah seperti sesi Buka Minda, Membentuk Etika (Logo dan motto), Apa itu Persespsi, Sesi Mahkamah, Jom Kembara, Pidato, Model Kumpulan, Nilai-nilai Murni, Senaman Pagi, Motivasi Kerja berpasukan, Alam Kegelapan, Diagnosa Persekitaran (Khidmat Masyarakat), MALAM Bakat dan Sesi Penutupan.**

**Kursus Pembinaan Sahsiah Diri Hospital Melaka 2017, telah mencapai matlamat dan telah dijalankan dengan jayanya.**



*********

# Apa Itu Penyakit Anjing Gila ?















## Jadilah Pengguna Ubat Yang Bijak




# Kenali Ubat Anda

### 1. Pengguna Ubat yang Betul

- Pastikan label ubat tertulis nama pesakit
- Jangan berkongsi ubat anda
- Jauhi ubat daripada kanak-kanak




### 2. Ubat yang Betul



- Baca label ubat terlebih dahulu
- Pastikan anda mengenali nama ubat yang dipreskripsikan
- Pastikan anda mengetahui kegunaan ubat yang diambil

### 3. Dos yang Betul



- Baca arahan pada label ubat
- Pastikan anda mengetahui sukatan/ dos yang perlu diambil
- Pastikan anda mengetahui tempoh pengambilan ubat

### 4. Cara Pengambilan yang Betul



- Baca arahan pengambilan pada label ubat
- Pastikan cara pengambilan ubat adalah betul
- Tanyalah ahli farmasi cara terbaik untuk makan ubat anda

### 5. Masa yang Betul



- Pastikan ubat diambil mengikut masa yang ditetapkan
- Ubat harus diambil pada masa yang sama setiap hari
- Ambil tahu apa yang perlu dilakukan jika tertinggal dos

## SUDOKU

| | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 5 | 3 | | | 7 | | | | |
| 6 | | | 1 | 9 | 5 | | | |
| | 9 | 8 | | | | | 6 | |
| 8 | | | | 6 | | | | 3 |
| 4 | | | 8 | | 3 | | | 1 |
| 7 | | | | 2 | | | | 6 |
| | 6 | | | | | 2 | 8 | |
| | | | 4 | 1 | 9 | | | 5 |
| | | | | 8 | | | 7 | 9 |



## IMPORTANT HEALTH TIPS

- Don't take your medicine with cold water.
- Don't eat heavy meals after 5pm.
- Drink more water in morning, less at night.
- Best sleeping time is 10pm to 4am.
- Don't lie down immediately after taking meal.
- Answer phone calls from Left ear.
- When phone's battery is low to last bar, don't answer the call because the radiation is 1000 times stronger.

Share this with your Loved ones!!